

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 APRIL 2016

Tindakan Dr. Mahathir bahayakan negara

UM - 11/4/2016

SHAH ALAM 10 April - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad diminta berhenti mengeluarkan kenyataan meminta campur tangan asing dalam hal ehwal negara kerana tindakan tersebut membahayakan keselamatan sekali gus mencemari kedaulatan Malaysia.

Presiden Majlis Belia Selangor, Datuk Irmohizam Ibrahim berkata,

tindakan Dr. Mahathir itu sangat berbahaya terutama dari aspek keselamatan berikutan boleh menjejaskan keharmonian penduduk pelbagai kaum di negara ini yang sudah menikmati kemerdekaan sejak 59 tahun lalu.

Sehubungan itu, beliau berharap pihak berkuasa terutama Wisma Putra meneliti kenyataan bekas Perdana Menteri itu dan berbuat sesuatu

mengenainya.

"Kita lihat tindakan beliau seolah-olah mencabar kedaulatan negara. Apa yang dilakukan janganlah sehingga mencemarkan imej dan sistem demokrasi negara.

"Tindak-tanduk Dr. Mahathir akan menyebabkan pelaburan tidak masuk, peluang pekerjaan juga terhimpit dan negara akan huru-hara

akibat usaha pihak luar mencampuri urusan dalaman negara kita," katanya selepas menghadiri Persidangan Majlis Perundingan Belia Negara peringkat negeri di sini hari ini.

Selepas sekian lama menggambarkan dirinya sebagai penentang campur tangan asing dalam hal ehwal dalaman Malaysia, Dr. Mahathir semalam membuat pusingan U apabila

meminta campur tangan asing dalam usahanya untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Bekas Perdana Menteri itu dalam satu wawancara bersama akhbar Australia, *The Weekend Australian* berkata, hanya tinggal sedikit harapan Najib akan berundur tanpa tekanan luar.